

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)

Hari/Tarikh: 7/3/2016

Muka surat: 4

Tajuk : Shell mahu pelajar kejuruteraan sentiasa membudayakan aspek HSE

Shell mahu pelajar kejuruteraan sentiasa membudayakan aspek HSE

KUCHING: Kesedaran dan amalan menitikberatkan aspek kesihatan, keselamatan dan persekitaran (HSE) di tempat kerja sering diabaikan, kata Pengurus Besar Pengeluaran Shell Middle Distillate Synthesis (SMDS) Sdn Bhd Tom Wong.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Penyampaian Sijil Bengkel HSE dan Panduan Amalan Industri Persekuturan dan Keselamatan Untuk Pelajar Kejuruteraan (PRESTIGE) di Hotel Grand Margherita di sini, semalam.

Katanya sikap sambil lewa bukan sahaja boleh menjurus ke arah berlakunya insiden yang dapat mengganggu operasi dan produktiviti kerja, malah mengakibatkan kerugian besar serta kemungkinan bahaya akibat kecederaan dan kematian di tempat kerja.

'Kesihatansentiasa' dijadikan sebagai keutamaan yang menjadi budaya dan amalan Shell

dan ia dipanggil sebagai 'Goal Zero' - iaitu sifar meletakkan orang awam dalam bahaya atau sifat meletakkan persekitaran dan kemudahan dalam risiko bahaya.

"Menerusi PRESTIGE, Shell berharap untuk memupuk kesedaran dalam diri pelajar kejuruteraan yang mana akan menjadi jurutera yang membudayakan keselamatan pada masa akan datang, malah juga untuk membentuk budaya sama dalam kalangan masyarakat di sekitar termasuk ahli keluarga.

"Ini apa yang kami maksudkan dengan perubahan ke arah budaya generatif," katanya.

Bengkel HSE dan PRESTIGE 2016 yang berlangsung selama tiga hari bermula 4 hingga 6 Mac (semalam) itu telah disertai kira-kira 70 pelajar tahun akhir Fakulti Kejuruteraan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Tambahnya, selaku sebuah perbadanan, Shell percaya dan-

gan mengamalkan amalan dan budaya mementingkan HSE khususnya di tempat kerja, mampu menjayakan sesbuah perniagaan.

Manakala sebagai majikan pula, ujarnya ia membolehkan penawaran nilai baik untuk pekerja selain komited untuk melindungi masyarakat di sekitar kediaman serta berdekatan dengan lokasi perniagaan yang dijalankan.

"Kami percaya adalah sangat penting untuk memastikan graduan muda yang tidak lama lagi akan memasuki alam pekerjaan sebenar dibekalkan dengan kelengkapan berhubung pemikiran HSE."

Justeru, setiap aktiviti dan senario yang direka sepanjang berlangsungnya bengkel ini adalah bertujuan menguji kebolehan pelajar dalam memahami dan mengamalkan konsep HSE.

"Setiap peserta juga diperkenalkan dengan konsep dan metodologi berfikir mengenai isu



TAHNIAH: Hatta (empat dari kiri) menyampaikan hadiah kepada wakil kumpulan Millenium Falcon yang berjaya mengungguli kedudukan juara keseluruhan dalam Bengkel HSE dan PRESTIGE 2016 di Kuching, semalam.

yang boleh menjurus kepada insiden yang boleh dielakkan, sekali gus boleh menjamin wang ringgit dan apa yang lebih penting ialah menyelamatkan nyawa," jelasnya.

Sementara itu, Naib Canselor

UNIMAS Profesor Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi berkata, UNIMAS sentiasa memberi motivasi dan sokongan kepada pelajarannya untuk menghadiri sebarang program ilmiah yang dapat meningkatkan motivasi pelajar dalam memperolehi pengetahuan baharu di luar bilik kuliah.

Katanya program seperti Bengkel HSE dan PRESTIGE mampu memberi pengetahuan tambahan kepada pelajar selain

pengetahuan yang diperolehi daripada pengajian menerusi sesi kuliah.

"Program seumpama ini sudah pasti berupaya meningkatkan pembangunan kapasiti individu termasuk pemahaman menerusi perkongsian pengalaman oleh penceramah berkaliber sepanjang ia berlangsung," katanya menerusi teks ucapan yang dibacakan Timbalan Naib Canselor (TNC) Hal Ehwal Pelajar Profesor Mohd Fadzil Abdul Rahman.

Bengkel HSE dan PRESTIGE 2016 itu merupakan penganjuran kelapan kolaboratif antara Shell dan UNIMAS yang turut menyaksikan penyampaian hadiah kepada tiga kumpulan terbaik iaitu Millenium Falcon di tempat pertama, OB-1 di tempat kedua dan Luke Skywalker di tempat ketiga.

Turut hadir Pengerusi Lembaga Pengarah UNIMAS Datu Dr Hatta Solhi.